

**Pakatan akhirnya sepakat terima projek RAPID, minta ditangguh  
Malaysian Insider  
16 Oktober, 2012  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 16 Okt — Selepas berlakunya sedikit percanggahan pendapat antara parti komponen Pakatan Rakyat (PR) dalam isu pembangunan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini tampil membuat penjelasan pakatan pembangkang itu menerima projek tersebut.

Anwar ketika sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat di Parlimen hari ini bagaimanapun menggesa agar projek itu dipindahkan ke lokasi lain, dan ditangguhkan sementara supaya kerajaan dapat meneliti beberapa isu yang dibangkitkan penduduk terutamanya berkaitan dengan kajian kesan alam sekitar jika projek itu diteruskan.

"Kita mahu jelaskan keputusan bersama iaitu tidak ada kekeliruan kerana pada dasarnya kita tidak pernah menolak apa-apa program pembangunan.

"Tetapi isu RAPID di Pengerang ini menjadi masalah kerana pelaksanaan itu bercanggah dengan prinsip yang kita putuskan sebab ada kawasan alternatif yang dikira wajar disediakan untuk projek itu," katanya kepada pemberita.

Jelas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu lagi, kebimbangan mereka terhadap projek itu adalah kerana proses tambakan laut telah dijalankan sebelum tanah penduduk kampung diambil.

Beliau juga turut menyuarakan kurangnya keyakinan mereka terhadap keputusan kajian alam sekitar dan kesan kesihatan, dan beliau perlu merujuk kepada cadangan daripada Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

"Apa yang berlaku sekarang ialah projek tambak laut diteruskan sebelum tanah rakyat diambil. Maknanya nelayan tradisional Melayu menjadi mangsa dan mengalami kerugian yang besar.

"Selain itu kita juga belum yakin dengan keputusan kajian alam sekitar dan kesan kesihatan, perlu lihat cadangan EIA," katanya.

Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub sebelum ini berkata, pembangkang menerima projek RAPID yang bernilai RM60 bilion itu, namun mahu ianya dilaksanakan di kawasan tanah milik kerajaan, bukannya melalui pengambilan tanah kampung tradisi di sini.

Menurut Salahuddin, pendirian PR jelas untuk tidak menolak pembangunan, malah beliau turut berkata PR menerima projek ini jika ia dilaksanakan seperti di Kerteh dan Paka di Terengganu yang tidak dibangunkan atas pengambilan tanah penduduk.

Bagaimanapun, dalam ucapan Pengerusi PKR Johor, Datuk Chua Jui Meng, yang berucap mewakili Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Himpunan Hijau Lestari di

Pengerang pada 30 September lalu berkata PR akan menghentikan projek tersebut sekiranya pakatan itu berjaya menguasai Putrajaya.

Ketua Biro Pelaburan dan Perdagangan PKR, Wong Chen pula sebelum ini mencadangkan agar projek tersebut dipindahkan ke Kerteh kerana mendakwa kos pembinaan projek RAPID yang bakal menelan belanja sebanyak RM60 bilion itu merupakan satu pembaziran.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-akhirnya-sepakat-terima-projek-rapid-minta-ditangguh/>